



sukan (lo
bergalah
berdasar
saya. Tan
dengan s
bererus
bapa, me
semanga

Khairul

Pelajar
Komuni.
Bahasa Mo

Permata sukan

Khairul Iksan wakil negara acara lompat bergalah, tidak abai pengajian

Oleh Mohd Faisal Md Noor
bhvarsiti@bharian.com.my

AKTIF bersukan dan mewakili negara bagi kejohanan besar tidak menjadikan pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Korporat, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Khairul Iksan Shah Kamal Bashah mengabaikan pengajiannya.

Mula mewakili negara dalam sukan lompat bergalah sejak 2004, Khairul Iksan mengakui tugas berat dipikul bukan bebanan kepadanya, namun menjadikan beliau lebih berdisiplin.

Selain sibuk dengan aktiviti bersukan, beliau juga terbabit dalam program pertukaran pelajar anjuran UPM di samping rutin latihan yang memenatkan.

"Pembabitan dalam sukan (lompat bergalah) ini memang berdasarkan minat saya. Tambahan pula dengan sokongan berterusan daripada ibu bapa, menguatkan

BIODATA

KHAIRUL IKHSAN SHAH KAMAL BASHAH

Asal: Ipoh, Perak

Umur: 23 tahun

Cita-cita: Pensyarah

Bidang Pengajian: Ijazah Sarjana Muda Komunikasi

Korporat, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM

Pembabitan Dalam Sukan/Aktiviti Iain: Mewakili Malaysia dalam acara lompat bergalah Kejohanan Sukan Sekolah Asean 2004 di Thailand; mewakili Malaysia dalam acara lompat bergalah Sukan Asia 2006 di Doha, Qatar dan bakal ke Amerika Syarikat bagi mengikuti program pertukaran pelajar anjuran UPM.

lagi semangat. Pengalaman pertama mewakili negara ketika di Tingkatan Lima (2004) ke Thailand membuka luas pandangan saya terhadap sukan ini.

"Walaupun ketika itu saya bakal menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), pemergian saya ke sana selain ditemani rakan-rakan atlit, turut 'ditemani' sama buku pelajaran bagi memudahkan saya menjalankan ulang kaji," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Khairul Iksan berkata, rutin itu berterusan apabila menyertai UPM dan ketika berada di semester kedua, beliau sekali lagi berkorban apabila terpilih menyertai skuad Malaysia ke Sukan Asia 2006 yang berlangsung di Doha, Qatar.

"Sebulan berada di sana, selain perlu menyertai peringkat saringan dalam acara sukan pada sebelah siang, saya memberikan tumpuan penuh mengulang kaji pelajaran dan menyiap-

kan tugas pada waktu malam. Semua tugas yang siap, saya hantarkan melalui emel.

"Sebaik kejohanan itu tamat, apabila kembali ke tanah air pula, berdepan dengan peperiksaan akhir semester yang sedang berlangsung. Syukurlah, saya turut membawa buku ketika berada di sana bagi membuat ulang kaji. Jadi, saya tidak menghadapi banyak masalah untuk menghadapi peperiksaan itu," katanya.

Beliau berkata, selain suntikan semangat daripada ahli keluarga dan rakan-rakannya, beliau bertuah kerana mendapat jurulatih profesional yang juga bekas atlit.

Katanya, jurulatih beliau banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar cara membahagikan masa agar tugas mewakili negara dan tanggungjawab sebagai pelajar dapat dijalankan sebaik mungkin dalam satu masa.

"Tida
akan meny
pertukaran
ka Syarikat.
UPM selam
bakal mem
dahan baru
yang sebel
luar negara

"Saya aka
buku mene
sepanjang l
Saya juga b
memberika
kepada neg
acara sukan
harumkan r
peringkat ai
dalam setia
yang diserta
yang bakal i
pengajian d
ijazah sarjan
bercita-cita
jadi pensya

“Selain sibuk dengan aktiviti bersukan, beliau juga terbabit dalam program pertukaran pelajar anjuran UPM. di samping rutin latihan yang memenatkan.”

Pembabitan dalam sukan (lompat bergalah) ini memang berdasarkan minat saya. Tambahan pula dengan sokongan berterusan daripada ibu bapa, menguatkan lagi semangat"

**Khairul Ikhsan Shah
Kamal Bashah**

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Korporat, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM

npat

"Tidak lama lagi, saya akan menyertai program pertukaran pelajar di Amerika Syarikat. Program anjuran UPM selama dua minggu itu bakal memberikan pendedahan baru kepada saya yang sebelum ini banyak ke luar negara sebagai atlit.

"Saya akan memastikan buku menemani saya sepanjang berada di sana. Saya juga berharap dapat memberikan sumbangan kepada negara dalam acara sukan dan mengharumkan nama UPM di peringkat antarabangsa dalam setiap bidang yang disertai," katanya yang bakal melanjutkan pengajian di peringkat ijazah sarjana dan bercita-cita menjadi pensyarah.

